

# Penuntut UMP, anak yatim serta larian amal

» Fauzi Nawawi, Lisdawati dan Betty Banafe turut serta memeriahkan Kempen Gaya Hidup Sihat

Oleh Fazrol Nasir  
bhnews@bh.com.my

## ► Pekan

**L**ebih 300 penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) Cawangan Pekan dan penghuni tiga rumah anak yatim menyertai larian amal sempena Kempen Gaya Hidup Sihat dan Inisiatif Kampus Hijau di sini, semalam.

Larian sejauh enam kilometer, turut disertai pasangan pelakon suami isteri, Fauzi Nawawi dan Lisdawati.

Seorang lagi pelakon, Betty Banafe, turut mengambil bahagian dalam program anjuran Kelab Penyayang UMP.

Tiga rumah anak yatim yang mengambil bahagian ialah Rumah Anak Yatim Permata Camar, Permata Insyirah dan Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang.

Penghuni Rumah Amal Hembusan Kasih Sayang, Nur Saerah Rojip, 11, berkata program itu merupakan sebahagian daripada amalan hidup sihat, selain merapatkan hubungan dengan



Fauzi, Lisdawati dan Betty Banafe bergambar bersama peserta larian amal dari tiga rumah anak yatim dan ahli Kelab Penyayang Universiti UMP selepas Majlis Penutup Larian Amal sempena Kempen Gaya Hidup Sihat dan Inisiatif Kampus Hijau di Pekan, semalam.

[ FOTO FAZROL NASIR / BH ]

masyarakat.

Katanya, peluang itu juga digunakan untuk beramah mesra dengan artis dan penuntut UMP bagi mendapatkan tips untuk cemerlang dalam pelajaran.

“Saya teruja menyertai program larian amal seperti ini. Sebelum ini, saya menyertai program bersama pelajar Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) di Teluk Chempedak, Mac lalu,” katanya.

Rakannya, Nurul Mulhimah Najiba, 11, berkata penyertaan dalam program itu memberi maklumat dan pendedahan

mengenai pentingnya memiliki badan yang sihat.

## Cergaskan minda

“Sebelum ini, saya tidak berkesempatan untuk menyertai program seumpama ini tetapi kini berjanji dengan diri untuk melakukan senaman kerana dapat menjadikan minda cerdas,” katanya.

Sementara itu, Fauzi berkata, program sedemikian bukan sahaja menggalakkan gaya hidup sihat, tetapi juga membekalkannya bermesra bersama anak yatim.

“Program ini dapat mera-

patkan hubungan antara artis dan masyarakat dan larian amal sebegini adalah aktiviti yang berafaedah untuk menyihatkan badan,” katanya.

Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramle Abid, berkata program itu bertujuan membantu golongan kurang bernasib baik untuk beramah mesra dengan pelakon serta penuntut UMP.

“Program ini juga menunjukkan penuntut UMP boleh memberi sumbangan secara sukarela dan sikap ini harus dipuji sebagai satu usaha yang murni dan perlu diteruskan,” katanya.